



ABU BAKAR YANG (kiri) dan Ahmad Zakie Ahmad Shariff bertukar dokumen sambil disaksikan oleh Anuar Hamzah Tohar (tengah).

Dana wakaf untuk tuntut ilmu

BAGI mewujudkan budaya menuntut ilmu yang berterusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bekerjasama melaksanakan Projek Usaha Sama Dana Wakaf Ilmu UKM.

Ketua Pegawai Eksekutif PWS, **Abu Bakar Yang** berkata, usaha sama tersebut bukanlah perkara baharu malah UKM sebelum ini melakukan perkara sama melalui Program Wakaf Ilmu bersama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebelum kewujudan PWS kira-kira enam tahun lalu.

"Projek ini merupakan program penjanaan dana di UKM yang mengguna pakai kaedah wakaf bagi mewujudkan infrastruktur jangka panjang yang memenuhi sebahagian keperluan dan pembiayaan aktiviti akademik," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoA) di Shah Alam, Selangor,

peristiwa

baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Yayasan Canselor UKM, Ahmad Zakie Ahmad Shariff dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS, Anuar Hamzah Tohar.

Sementara itu, tambah Ahmad Zakie, MoA tersebut membenarkan UKM menguruskan perjalanan kewangan dan menjadi pemegang taruhan bagi Tabung Dana Wakaf Ilmu UKM dan berkuasa bagi melakukan sebarang transaksi dalam tabung berkenaan.

"MoA yang berkuat kuasa dalam tempoh dua tahun ini juga boleh dimanfaatkan bagi tujuan pendidikan dan aktiviti perkembangan ilmu UKM," katanya. - **ABDUL RAZAK IDRIS**